



KEBENARAN PERKHIDMATAN CUCI KENDERAAN DAN PENGOPERASIAN PASAR PAGI DAN PASAR TANI DALAM TEMPOH FASA 2 PELAN PEMULIHAN NEGARA



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengumumkan perkhidmatan cuci kenderaan yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah dibenarkan beroperasi di negeri-negeri yang berada dalam Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Pembukaan perkhidmatan

cuci kenderaan ini termasuklah pembersihan manual, separa automatik dan automatik. Bagi Perkhidmatan Cuci Kenderaan, kerja-kerja pembersihan yang dibenarkan adalah meliputi bahagian luaran kenderaan, enjin kereta, dalaman kereta, *polish*, *wax* serta pengewapan antibakteria dan pembasmian serangga ruangan dalam kenderaan.

Bagi Pasar Pagi dan Pasar Tani juga turut dibenarkan beroperasi dalam tempoh tersebut. Keputusan tersebut dicapai semasa Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Covid-19 yang dipengerusikan oleh YB. Menteri Pertahanan pada 22 Jun 2021. Perkhidmatan - perkhidmatan tersebut tidak perlu mendapatkan kebenaran beroperasi melalui sistem CIMS yang diselenggara oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Sebaliknya memadai dengan hanya menunjukkan lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak PBT. Sekiranya lokasi perniagaan mereka melibatkan pergerakan merentas daerah atau negeri, mereka perlu mendapatkan kebenaran PDRM dengan mengemukakan lesen perniagaan atau permit penjaja oleh PBT berkaitan.

Pasar Pagi dan Pasar Tani dibenarkan beroperasi di Fasa 2 dari 7.00 pagi hingga 11.00 pagi dengan pematuhan SOP yang ketat meliputi bilangan pengunjung dan penjarakan minimum 2 meter. Enam komoditi utama sahaja iaitu ikan, daging, ayam, telur, sayuran dan buah-buahan sahaja dibenarkan untuk dijual. Sementara itu, pasar minggu, pasar malam dan pasar tamu masih tidak dibenarkan dibuka. Orang ramai diminta untuk merujuk laman sesawang rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di <https://www.kpkt.gov.my> bagi memuat turun SOP Perkhidmatan Cuci Kenderaan dan SOP Pasar Pagi dan Pasar Tani.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat